



KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Perkhidmatan Perunding

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING	2
PK 3.1 Perolehan Perkhidmatan Perunding	2
1. Sumber Pembiayaan	2
2. Kelulusan Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara.....	2
3. Kebenaran Menggunakan Perkhidmatan Perunding	3
4. Definisi dan Bidang Perkhidmatan Perunding	5
5. Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding.....	5
6. Kakitangan Profesional Bagi Projek Pembangunan Fizikal	7
7. Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Perunding	8
8. Pihak Berkuasa Melulus Dan Had Nilai Kuasa	9
9. Pelantikan <i>Lead Consultant</i> Bagi Projek Pembangunan Fizikal	10
10. Kos Perkhidmatan Perunding	11
11. Perunding Individu Yang Dilantik Terus Oleh Agensi.....	13
12. Pelantikan Perunding Asing.....	13
13. Surat Setuju Terima dan Perjanjian Perkhidmatan Perunding.....	14
14. Bayaran Cukai	15
15. Sistem ePerunding.....	15
16. Perolehan Perunding Oleh Agensi Kerajaan Di Luar Negara.....	16
17. Pemakaian Peraturan.....	16
18. Pindaan dan Tambahan	16
LAMPIRAN.....	17

PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

PK 3.1 Perolehan Perkhidmatan Perunding

1. Sumber Pembiayaan

- 1.1. Agensi Kerajaan yang diberi peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada melalui geran atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan, tidak kira Agensi mana yang melaksanakan projek atau melakukan perbelanjaan, dikehendaki mematuhi semua peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF).
- 1.2. Sekiranya perolehan perunding yang melibatkan pembiayaan daripada institusi asing sama ada sepenuhnya atau sebahagian kos projek/kajian, Agensi hendaklah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan oleh institusi asing berkenaan.

2. Kelulusan Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara

- 2.1. Pada 4 Februari 2014, mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) Bil. 1/2014 telah memutuskan bahawa permohonan pelantikan perunding yang perlu dirujuk dan mendapat kelulusan prinsip oleh JPPN terlebih dahulu adalah seperti berikut:
 - 2.1.1. Semua pelantikan perunding sama ada tempatan atau asing bagi pelaksanaan kajian bukan fizikal;
 - 2.1.2. Semua pelantikan perunding individu sama ada tempatan atau asing secara lantikan terus oleh Agensi (*direct appointment*) bagi melaksanakan kajian bukan fizikal; dan
 - 2.1.3. Pelantikan perunding bagi projek pembangunan fizikal yang berskala besar (*mega projects*) melebihi RM500 juta. Agensi hendaklah memastikan pelepasan untuk melaksanakan sendiri projek ini telah diperolehi daripada Jabatan Teknik sebelum permohonan dirujuk kepada JPPN.
- 2.2. Walau bagaimanapun, mesyuarat JPPN Bil 5/2014 pada 29 Ogos 2014 telah memutuskan seperti berikut :
 - 2.2.1. Permohonan pelantikan perunding kajian tidak lagi perlu dibentangkan di dalam mesyuarat JPPN untuk kelulusan. Walau bagaimanapun, kementerian/agensi hendaklah memastikan

bahawa pelaksanaan sesuatu kajian telah ditentukan berdasar kepada keperluan serta peruntukan disediakan dan proses pelantikan perunding dibuat mengikut tatacara perolehan semasa yang sedang berkuatkuasa; dan

2.2.2. Hasil kajian yang menggunakan perkhidmatan perunding dibentangkan di dalam mesyuarat JPPN.

- 2.3. Sehubungan itu, **perenggan 2.1.1 dan 2.1.2** di atas adalah dibatalkan. Manakala **perenggan 2.1.3** di atas adalah masih kekal.

3. Kebenaran Menggunakan Perkhidmatan Perunding

Agensi yang bercadang untuk melantik perunding bagi melaksanakan projek pembangunan fizikal atau kajian Kerajaan hendaklah merujuk kepada pihak yang dinyatakan di bawah mengikut aturan:

3.1 Projek Pembangunan Fizikal

3.1.1 Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) Selaku Jabatan Teknik

3.1.1.1 Kerajaan telah mempertanggungjawabkan JKR dan JPS selaku Jabatan Teknik bagi melaksanakan semua projek pembangunan fizikal bagi pihak Kerajaan. Oleh itu, sekiranya Agensi berhasrat untuk melaksanakan sendiri mana-mana projek pembangunan fizikal tanpa mengira had nilai, Agensi hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan pelepasan daripada Jabatan Teknik. Kerja yang tidak perlu dirujuk kepada Jabatan Teknik adalah yang melibatkan kerja ukur dan kerja pembaikan yang tidak melibatkan perubahan struktur.

3.1.1.2 Sekiranya Jabatan Teknik tidak berkemampuan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut, Jabatan Teknik hendaklah mengemukakan maklum balas kepada Agensi dalam tempoh 14 hari kalendar daripada tarikh surat Agensi diterima di pejabat Jabatan Teknik. Agensi adalah bertanggungjawab memastikan surat tersebut disahkan penerimaan oleh Jabatan Teknik sebagai bukti. Jika tiada maklum balas diterima oleh Agensi dalam tempoh tersebut, Agensi dibenarkan untuk melaksanakan sendiri projek berkenaan.

3.1.2 Jawatankuasa Perancangan Pembangunan (JPPN) Negara Yang Dipengerusikan Oleh YBhg. Tan Sri KSN

- 3.1.2.1 Setelah mematuhi **perenggan 3.1.1**, sekiranya Agensi tidak berkemampuan melaksanakan sendiri projek tersebut dan bercadang untuk mendapatkan perkhidmatan perunding, Agensi hendaklah mendapatkan kelulusan prinsip daripada JPPN bagi membenarkan perolehan perunding dibuat bagi projek berkenaan. Kelulusan prinsip daripada JPPN bagi projek pembangunan fizikal adalah hanya projek berskala besar (*mega projects*) iaitu kos projek melebihi RM500 juta. Kos projek bernilai RM500 juta dan ke bawah tidak perlu dirujuk ke JPPN dan langkah seterusnya adalah merujuk kepada **perenggan 3.1.3**.
- 3.1.2.2 Agensi hendaklah memastikan sebelum permohonan diangkat untuk pertimbangan JPPN, kebenaran rasmi daripada Pegawai Pengawal hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

3.1.3 Pegawai Pengawal Masing-Masing

- 3.1.3.1 Agensi hendaklah memastikan sebelum permohonan diangkat untuk kelulusan JPPN atau sesuatu perolehan perunding diteruskan, kebenaran rasmi daripada Pegawai Pengawal hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

3.2 **Kajian Fizikal**

3.2.1 Pegawai Pengawal Masing-Masing

- 3.2.1.1 Agensi hendaklah memastikan sebelum sesuatu perolehan perunding diteruskan, kebenaran rasmi daripada Pegawai Pengawal hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

3.3 **Kajian Bukan Fizikal**

3.3.1 Pegawai Pengawal Masing-Masing

- 3.3.1.1 Agensi hendaklah memastikan sebelum sesuatu perolehan perunding diteruskan, kebenaran rasmi daripada Pegawai Pengawal hendaklah diperolehi terlebih dahulu dan bagi mana-mana permohonan

pelantikan perunding untuk melaksanakan kajian ICT, hendaklah mendapatkan pelepasan daripada MAMPU. Permohonan ke MAMPU hendaklah dibuat melalui Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian masing-masing.

3.3.2 Jawatankuasa Perancangan Pembangunan (JPPN) Negara Yang Dipengerusikan Oleh YBhg. Tan Sri KSN

3.3.2.1 Pada 4 Februari 2014, mesyuarat JPPN Bil. 1/2014 telah memutuskan bahawa semua permohonan pelantikan perunding kajian bukan fizikal hendaklah dibawa untuk dibentangkan di dalam JPPN untuk kelulusan terlebih dahulu.

3.3.2.2 Walau bagaimanapun, mesyuarat JPPN Bil 5/2014 pada 29 Ogos 2014 telah membenarkan agar semua permohonan pelantikan perunding kajian tidak lagi perlu dibentangkan di dalam mesyuarat JPPN untuk kelulusan. **Namun, hasil kajian bukan fizikal yang menggunakan perkhidmatan perunding hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat JPPN.**

4. Definisi dan Bidang Perkhidmatan Perunding

4.1. Definisi perkhidmatan perunding adalah seperti dinyatakan di PK3.2. Manakala bidang perkhidmatan perunding sama ada perunding fizikal atau perunding bukan fizikal yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan adalah seperti di Senarai Kod Bidang Perunding yang mana senarai tersebut boleh dimuat turun melalui laman web ePerolehan di www.eperolehan.gov.my.

5. Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding

5.1. Pelantikan perunding hendaklah dibuat berasaskan kepada kepakaran, keupayaan profesional, kedudukan kewangan, prestasi perkhidmatan, pengalaman firma dan kriteria lain yang bersesuaian.

5.2. Beberapa penambahbaikan kepada proses pelantikan sedia ada telah dibuat dengan mengambil kira aspek ketelusan, integriti, persaingan serta kualiti dan keupayaan perunding. Perolehan perkhidmatan perunding kini terbahagi kepada tiga (3) kaedah dengan penerangan ringkas seperti berikut:

5.2.1. Lantikan Terus Beserta Kos Siling

Agensi memperakukan satu nama perunding dan kos siling perkhidmatan perunding untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus. Perunding yang telah diluluskan akan mengemukakan cadangan teknikal dan kos untuk dipersetujui oleh Agensi sebelum pelantikan rasmi dibuat.

5.2.2. Tender Terhad

Agensi memperakukan sekurang-kurangnya tiga hingga maksima sepuluh firma perunding untuk kelulusan senarai pendek oleh Jawatankuasa Penilaian Perunding. Perunding-perunding tersebut akan dipelawa untuk mengemukakan cadangan teknikal dan cadangan kos. Perunding yang lulus penilaian teknikal dan penilaian kos dengan cadangan keseluruhan yang terbaik akan diperakukan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebelum pelantikan rasmi dibuat.

5.2.3. Tender Terbuka

Agensi mengiklankan pelawaan melalui akhbar harian utama tempatan, laman web Agensi dan portal MyProcurement kepada perunding yang layak dan berminat, untuk mengemukakan cadangan teknikal dan cadangan kos. Perunding yang lulus penilaian teknikal dan penilaian kos dengan cadangan keseluruhan yang terbaik akan diperakukan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebelum pelantikan rasmi dibuat.

- 5.3. Bagi pelawaan yang dijangka akan disertai oleh terlalu ramai perunding dalam sesuatu bidang, Agensi boleh memilih untuk melaksanakan tender melalui pra kelayakan. Tender melalui pra kelayakan terdiri daripada dua peringkat iaitu di peringkat pertama, Agensi mengiklankan pelawaan kepada perunding yang berminat untuk menyertai proses pra-kelayakan. Perunding yang lulus penilaian pra-kelayakan akan disenarai pendekkan dan diperakukan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus. Di peringkat kedua, perunding yang lulus senarai pendek akan dipelawa untuk mengemukakan cadangan teknikal dan kos yang lebih terperinci. Perunding yang lulus penilaian teknikal dan penilaian kos peringkat kedua ini dengan cadangan keseluruhan yang terbaik akan diperakukan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebelum pelantikan rasmi dibuat.
- 5.4. Penentuan kaedah perolehan perkhidmatan perunding bergantung kepada nilai kos projek, kos kajian atau kos kerja ukur yang akan dilaksanakan seperti di Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Kaedah Perolehan	Had Nilai
Lantikan Terus Beserta Kos Siling	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM50 juta 2. Kos Kajian sehingga RM500 ribu 3. Kos Kerja Ukur sehingga RM500 ribu
Tender Terhad	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM100 juta 2. Kos Kajian sehingga RM2 juta 3. Kos Kerja Ukur melebihi RM500 ribu
Tender Terbuka	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM100 juta 2. Kos Kajian Fizikal/Bukan Fizikal melebihi RM2 juta

- 5.5. Agensi adalah dilarang memecah kecilkan nilai projek pembangunan fizikal/kajian untuk mengelak daripada melaksanakan kaedah pelawaan yang lebih kompetitif/telus/terbuka.
- 5.6. Bagi melaksanakan perolehan perkhidmatan perunding untuk projek/kajian Kerajaan, Agensi hendaklah mematuhi kaedah perolehan sepertimana yang ditetapkan di PK3.3.
- 5.7. Perolehan perkhidmatan perunding selain daripada kaedah yang ditetapkan (contohnya melalui pertandingan/*competition*) adalah tidak dibenarkan kecuali telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan.
- 5.8. Bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*), firma yang telah dilantik oleh Agensi sebagai perunding bagi sesuatu projek, tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam urusan perolehan bagi projek yang sama.

6. Kakitangan Profesional Bagi Projek Pembangunan Fizikal

- 6.1. Jadual bilangan minima kakitangan profesional mengikut kos projek sebagaimana dinyatakan di PK3.2 adalah tidak mandatori dan hanya digunakan sebagai panduan kepada Agensi. Agensi adalah dibenarkan untuk mengubahsuai bilangan kakitangan profesional tersebut mengikut kompleksiti sesebuah projek dan kriteria tersebut hendaklah dinyatakan secara jelas dan *upfront* di dalam terma rujukan atau dokumen pelawaan atau iklan tender sebagai makluman awal kepada firma perunding yang

ingin menyertai perolehan perunding Kerajaan. Firma perunding juga adalah dibenarkan untuk bergabung dengan firma lain secara *Project Basis* bagi memenuhi kriteria bilangan minimum kakitangan profesional yang ditetapkan Agensi tersebut. Gabungan firma hendaklah dibuat dikalangan firma yang berdaftar dengan MOF.

7. Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Perunding

- 7.1. Bagi urusan pelantikan perunding, Agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) dengan ahlinya dilantik secara bertulis sama ada oleh Pegawai Pengawal atau Ketua Agensi.
- 7.2. Penubuhan JPP boleh dilaksanakan secara tetap atau secara *ad hoc* mengikut keperluan projek/kajian dan kapasiti organisasi Agensi. Komposisi JPP adalah seperti dinyatakan di dalam PK3.2.
- 7.3. Tanggung jawab JPP di antara lain termasuk mempertimbangkan terma rujukan dan butiran anggaran kos yang telah diperincikan bagi perolehan perkhidmatan perunding yang disediakan oleh Agensi, menetapkan markah lulus penilaian teknikal, melaksanakan penilaian terhadap cadangan teknikal dan cadangan kos yang dikemukakan oleh perunding berdasarkan kriteria utama yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan memperakukan perunding yang layak untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus. Senarai tanggungjawab JPP seperti dinyatakan di PK3.2.
- 7.4. Agensi dibenar melantik ahli sektor swasta untuk menganggotai JPP sekiranya terdapat keperluan dari segi kepakaran teknikal dan pengalaman yang tidak terdapat dari kalangan pegawai Kerajaan tertakluk kepada syarat berikut:
 - 7.4.1. Agensi hendaklah mengeluarkan surat lantikan secara rasmi kepada pegawai tersebut sama ada berperanan sebagai ahli tetap/ganti dan pegawai tersebut hendaklah menyatakan persetujuannya untuk menganggotai jawatankuasa tersebut;
 - 7.4.2. Pegawai swasta tersebut boleh diberi kemudahan elaun mesyuarat dan imbuhan balik di mana kadar elaun mesyuarat dan imbuhan balik tersebut ditentukan oleh Pegawai Pengawal masing-masing mengikut kepakaran dan kelayakan akademik pegawai swasta tersebut tertakluk Agensi mempunyai peruntukan sedia ada yang mencukupi; dan
 - 7.4.3. Firma yang diwakili oleh pegawai swasta tersebut tidak dibenarkan mengambil bahagian atau terlibat di dalam perolehan

perunding bagi projek pembangunan fizikal atau kajian yang dibincangkan di dalam JPP tersebut untuk mengelakkan *conflict of interest*.

- 7.5. Keahlian JPP sama ada dari kalangan sektor awam atau swasta boleh terdiri daripada pegawai yang berkelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dan ke atas. Memandangkan JPP merupakan penasihat teknikal dalaman kepada Agensi dan PBM, ahli yang dilantik hendaklah mempunyai pengalaman/ kepakaran/ pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang diperlukan.
- 7.6. Agensi hendaklah memastikan semua permohonan pelantikan perunding termasuk permohonan kos perunding atau kos tambahan untuk pertimbangan dan kelulusan di peringkat PBM Agensi, hendaklah disemak dan diperakukan oleh JPP terlebih dahulu. Bagi permohonan untuk pertimbangan dan kelulusan oleh MOF pula, permohonan tersebut hendaklah disemak oleh JPP dan diperakukan oleh PBM Agensi terlebih dahulu sebelum dikemukakan ke MOF.

8. Pihak Berkuasa Melulus Dan Had Nilai Kuasa

- 8.1. Bagi mempercepatkan proses perolehan perkhidmatan perunding dan selaras dengan pendekatan disentralisasi, penentuan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) telah diperluaskan dengan penetapan had nilai kuasa melulus perolehan perkhidmatan perunding seperti di Jadual 2 berikut:

Jadual 2

Bil	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)	Had Nilai Kuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Perunding
1.	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi (JKSH):	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM5 juta 2. Kos kajian sehingga RM500 ribu 3. Kos kerja ukur sehingga RM500 ribu
2.	Lembaga Perolehan 'B' Agensi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM20 juta 2. Kos kajian sehingga RM2 juta 3. Kos kerja ukur sehingga RM2 juta
3.	Lembaga Perolehan 'A' Agensi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM300 juta 2. Kos kajian sehingga RM5 juta 3. Kos kerja ukur sehingga RM5 juta

Bil	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)	Had Nilai Kuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Perunding
4.	Kementerian Kewangan	1. Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM300 juta 2. Kos kajian melebihi RM5 juta 3. Kos kerja ukur melebihi RM5 juta

8.2. Semua JKSH di peringkat Agensi adalah dibenar untuk memutuskan perolehan perunding tertakluk kepada syarat berikut:

8.2.1. telah mendapat kelulusan prinsip secara bertulis daripada Pegawai Pengawal masing-masing di mana Pegawai Pengawal turut mempunyai kuasa untuk menentukan had nilai kuasa JKSH masing-masing dengan syarat had nilai tersebut hendaklah tidak melebihi had nilai kuasa JKSH yang ditetapkan oleh MOF dalam Jadual 2 di atas; dan

8.2.2. Sekiranya permohonan perolehan perunding yang dibawa untuk pertimbangan JKSH melibatkan pelantikan perunding fizikal, keanggotaan tambahan ahli tetap JKSH hendaklah turut terdiri daripada seorang wakil Kumpulan Pengurusan & Profesional (Skim Perkhidmatan 'J') daripada Jabatan Teknik (JKR/JPS).

9. Pelantikan *Lead Consultant* Bagi Projek Pembangunan Fizikal

9.1. Agensi adalah dibenar melantik *Lead Consultant* bagi projek pembangunan fizikal dimana Agensi hanya perlu melantik satu firma perunding dari satu bidang sebagai *Lead Consultant* dan *Lead Consultant* pula melantik firma perunding dari bidang-bidang lain sebagai *Associated Consultants* bagi melaksanakan projek. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

9.1.1. **Kos projek** pembangunan fizikal sehingga RM10 Juta;

9.1.2. Agensi menandatangani perjanjian dengan *Lead Consultant*;

9.1.3. *Associated Consultants* yang dipilih oleh *Lead Consultant* hendaklah berdaftar dengan MOF dan hendaklah dipersetujui oleh Agensi terlebih dahulu;

9.1.4. Bayaran kos perkhidmatan perunding hendaklah mematuhi peraturan di Bab 5 dalam Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (Pindaan Kedua) dan kos bagi *Associated Consultants* dibuat melalui *Lead Consultant*;

- 9.1.5. *Lead Consultant* hendaklah menandatangani perjanjian dengan semua *Associated Consultants* dan salinan perjanjian dikemukakan ke Agensi sebagai rekod;
- 9.1.6. *Lead Consultant* bertanggungjawab sepenuhnya terhadap skop perkhidmatan perunding yang lain di bawahnya meliputi tindakan kecuaiian, salah laku dan sebagainya oleh kakitangan *Associated Consultants*; dan
- 9.1.7. Kelulusan pelantikan perunding hendaklah dibawa untuk pertimbangan PBM mengikut had kuasa melulus seperti di Jadual 2.

10. Kos Perkhidmatan Perunding

- 10.1. Kos perkhidmatan perunding bergantung kepada skop kerja perunding yang ditetapkan di dalam terma rujukan. Ianya terdiri daripada dua komponen iaitu yuran perunding dan kos imbuhan balik.
- 10.2. Penetapan yuran perkhidmatan perunding bagi semua jenis kajian adalah berdasarkan kaedah bayaran Input Masa (*Man-Month*). Pembayaran secara *lump sum* adalah tidak dibenarkan.
- 10.3. Penetapan yuran perkhidmatan perunding bagi pelaksanaan projek pembangunan fizikal dan kerja ukur secara amnya adalah berdasarkan kaedah bayaran Skala Yuran Piawai (*Scale of Fees – SOF*) untuk bidang perunding yang mempunyai Skala Yuran Piawai yang diiktiraf oleh Perbendaharaan atau berdasarkan kaedah bayaran Input Masa untuk bidang perunding yang tidak mempunyai Skala Yuran Piawai yang diiktiraf oleh Kementerian Kewangan.
- 10.4. **Penetapan dan syarat-syarat penggunaan skala gaji kakitangan sementara perunding yang terbaru bagi kakitangan ikhtisas dan separa ikhtisas untuk pelaksanaan projek fizikal dan kajian Kerajaan adalah seperti di PK3.2/Perenggan 5.2.3.**
- 10.5. Kos imbuhan balik hendaklah bersesuaian dengan projek/kajian yang dilaksanakan. Ianya adalah terhad kepada perbelanjaan yang dibenarkan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan tidak boleh digunakan bagi maksud meraih keuntungan. Kadar dan item imbuhan balik yang dibenarkan oleh Kerajaan hendaklah dirujuk di PK 3.2.
- 10.6. Sebarang perubahan kepada skop kerja/terma rujukan perunding yang tidak melibatkan tambahan kos perkhidmatan perunding hendaklah

mendapat kelulusan pihak berkuasa melulus yang asal. **Bagi perubahan yang melibatkan tambahan kos, Lembaga Perolehan 'A' diberi penurunan kuasa untuk meluluskan tambahan kos perunding daripada 60% kepada sehingga 100% daripada kos asal perunding yang diluluskan. Kelulusan tambahan kos melebihi 100% daripada kos asal perunding hendaklah diperolehi daripada Kementerian Kewangan. Semua permohonan tambahan kos yang dibawa dan diputuskan oleh Lembaga Perolehan 'A' atau Kementerian Kewangan hendaklah dibuat di dalam tempoh perjanjian perunding masih sah berkuat kuasa.**

- 10.7. **Sekiranya Agensi mengemukakan permohonan tambahan kos kepada Lembaga Perolehan 'A' setelah perjanjian perunding tamat, Pegawai Pengawal diberi penurunan kuasa tanpa had nilai untuk mempertimbangkan permohonan tersebut dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang keputusan yang dibuat. Pegawai Pengawal mempunyai kuasa untuk mempertimbangkan permohonan tersebut dan menentukan kaedah-kaedah bayaran seperti kaedah bayaran melalui Arahan Perbendaharaan (AP59) atau lain-lain terutamanya bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh perunding dalam tempoh perjanjian telah tamat dan tanpa sebarang kelulusan pelanjutan oleh PBM diperolehi terlebih dahulu. Amaran pentadbiran juga hendaklah dikeluarkan kepada Agensi atau pegawai Kerajaan yang terlibat bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam projek/kajian Kerajaan yang lain. Keputusan yang dibuat hendaklah juga disalinkan kepada Pihak Berkuasa Melulus yang asal sebagai makluman.**
- 10.8. **Lembaga Perolehan 'A' Agensi diberi kuasa meluluskan tambahan kos perkhidmatan perunding tanpa had nilai jika tambahan tersebut disebabkan oleh *Variation Order* atau *Extension of Time* di dalam kontrak kerja dengan pihak kontraktor.**
- 10.9. **Bagi memudahkan dan menyeragamkan proses tindakan, satu *Standard Operating Procedure* (SOP) yang komprehensif hendaklah disediakan oleh pihak Kementerian dan diluluskan oleh Pegawai Pengawal untuk dijadikan sebagai satu garis panduan kepada Agensi-Agensi di bawah seliaan masing-masing agar semua peraturan kewangan dan perolehan Kerajaan adalah sentiasa dipatuhi.**

11. Perunding Individu Yang Dilantik Terus Oleh Agensi

- 11.1. Perunding Individu yang dilantik terus oleh Agensi hanya dibenarkan bagi pelaksanaan kajian yang memerlukan kepakaran khusus yang tidak ditawarkan oleh firma perunding, tertakluk kepada syarat tempoh perkhidmatan tidak melebihi satu tahun dan kos perkhidmatan perunding tidak melebihi RM500 ribu. Penetapan yuran perunding adalah berdasarkan kaedah bayaran Input Masa di mana pengiraan yuran dan imbuhan balik hendaklah berdasarkan syarat-syarat di perenggan 5 di dalam PK 3.2.
- 11.2. Kelulusan pelantikan dan kos perkhidmatan perunding individu tempatan yang dilantik terus oleh Agensi adalah di peringkat Lembaga Perolehan 'B' Agensi, manakala pelantikan dan kos perkhidmatan perunding individu asing yang dilantik terus oleh Agensi adalah di peringkat Lembaga Perolehan 'A' Agensi.
- 11.3. Perunding individu yang dilantik adalah dikecualikan daripada berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Syarat-syarat lain di perenggan 19.1.2 dalam PK 3.2 hendaklah dipatuhi.

12. Pelantikan Perunding Asing

- 12.1. Perkhidmatan kepakaran/perunding asing hanya boleh diperolehi jika tiada kepakaran tempatan dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Penetapan yuran perunding adalah berdasarkan kaedah bayaran Input Masa berasaskan *charge rate*.
- 12.2. Kelulusan pelantikan dan kos perkhidmatan perunding asing yang telah diambil secara *outsourcing* oleh firma perunding tempatan adalah diperingkat Pihak Berkuasa Melulus asal yang meluluskan perolehan projek/kajian berkenaan.
- 12.3. Agensi hendaklah memastikan perunding asing dalam bidang arkitek, kejuruteraan dan ukur bahan berdaftar secara sementara dengan Lembaga/Badan profesional di Malaysia selaras dengan Akta Lembaga Profesionalmasing-masing.
- 12.4. Agensi hendaklah melengkapkan borang tapisan keselamatan Majlis Keselamatan Negara di Jabatan Perdana Menteri bagi perunding asing yang akan dilantik dan menunggu sehingga kelulusan tapisan diperolehi sebelum membenarkan perunding berkenaan memulakan perkhidmatan.

13. Surat Setuju Terima dan Perjanjian Perkhidmatan Perunding

- 13.1. Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan bagi pelantikan rasmi perunding berserta dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah dijadikan sebahagian daripada perjanjian perkhidmatan perunding. Agensi tidak dibenarkan mengeluarkan arahan sama ada secara lisan atau bertulis kepada perunding untuk memulakan kerja sebelum SST ditandatangani. **Pengeluaran arahan kepada perunding untuk memulakan kerja sebelum SST ditandatangani akan mengakibatkan masalah di dalam pembayaran kelak dan berkemungkinan pegawai kerajaan yang terlibat boleh dikenakan AP59.**
- 13.2. Semua perolehan perkhidmatan perunding tanpa mengira nilai, Agensi hendaklah menandatangani perjanjian dengan pihak perunding dengan menggunakan format perjanjian piawai yang telah disediakan oleh MOF di PK 3.3.
- 13.3. PK 3.3 menjelaskan tentang garis panduan pemakaian perjanjian tersebut serta format perjanjian piawai bagi perunding Arkitek, Kejuruteraan, Ukur Bahan dan Kajian. Kesemua template perjanjian piawai tersebut yang disediakan oleh Kementerian Kewangan telahpun disemak oleh Jabatan Peguam Negara dan telah diluluskan penggunaannya untuk semua Agensi bagi semua urusan pelantikan perunding sama ada bagi projek fizikal mahupun kajian yang menggunakan kaedah bayaran Skala Yuran Piawai atau Input Masa. Oleh itu, adalah menjadi mandatori bagi semua Agensi menggunakan template perjanjian piawai tersebut untuk sebarang pelantikan perunding.
- 13.4. Surat Setuju Terima dan perjanjian perkhidmatan perunding bagi pihak Kerajaan hendaklah ditandatangani oleh pegawai awam yang telah diberi kuasa di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973).
- 13.5. **Semua pelanjutan tempoh perjanjian perunding sama ada bagi projek fizikal atau kajian Kerajaan, hendaklah dipohon dan diputuskan oleh PBM semasa perjanjian perunding sedia ada masih sah berkuat kuasa. Sekiranya permohonan yang dibuat di dalam tempoh perjanjian perunding telahpun tamat, ianya tidak lagi di bawah bidang kuasa PBM tetapi hendaklah diangkat untuk pertimbangan dan keputusan oleh Pegawai Pengawal masing-masing, di mana Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang keputusan yang dibuat ke atas permohonan pelanjutan tersebut sebagaimana jelas dinyatakan di perenggan 10.7.**

14. Bayaran Cukai

- 14.1 Selaras dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] yang berkuat kuasa mulai 1 April 2015, semua perunding yang ditawarkan perolehan bernilai melebihi RM500 ribu dalam tempoh 12 bulan hendaklah berdaftar dengan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM).
- 14.2 Cadangan Kos yang dikemukakan oleh perunding hendaklah tidak termasuk GST. Sebaik sahaja pemilihan perunding dan semakan ke atas kos telah dipersetujui oleh Agensi, Surat Setuju Terima (SST) kepada perunding yang berjaya akan dikeluarkan dengan kenaan GST. Jumlah kos perkhidmatan perunding yang diluluskan oleh PBM hendaklah termasuk komponen GST.
- 14.3 Kenaan GST yang dinyatakan di dalam SST adalah berdasarkan jumlah keseluruhan kos perkhidmatan perunding iaitu termasuk kos imbuhan balik. Jumlah GST ini adalah hanya merupakan kos siling sahaja dimana pembayaran GST kepada perunding akan dibuat berdasarkan tuntutan kos sebenar bagi setiap bayaran kemajuan projek yang telah disemak dan dipersetujui oleh Agensi.
- 14.4 Tax Invoice yang dikeluarkan oleh perunding hendaklah berdasarkan jumlah tuntutan yang telah disemak dan dipersetujui oleh Agensi.
- 14.5 Agensi adalah dikehendaki untuk menyediakan sejumlah peruntukan bagi tujuan bayaran GST yang akan dibayar oleh perunding kepada JKDM. Oleh itu, Agensi hendaklah mengambil kira elemen GST di dalam perancangan perolehan untuk memastikan peruntukan yang disediakan adalah mencukupi.
- 14.6 Bagi perkhidmatan yang menggunakan / melibatkan guna tenaga asing, cukai yang dikenakan ialah Cukai Pegangan (Withholding Tax) berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967. Kadar cukai pegangan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang diluluskan Kerajaan.

15. Sistem ePerunding

- 15.1. Semua pelantikan perunding secara kaedah lantikan terus bagi projek fizikal/kajian hendaklah dilaksanakan secara atas talian menggunakan Sistem ePerunding melalui laman web dengan alamat <http://porteperunding.treasury.gov.my/>. Buat masa ini, proses pelantikan perunding secara Tender Terhad dan Tender Terbuka adalah dilaksanakan secara manual berdasarkan peraturan sedia ada sehingga penggunaannya secara *online* dimaklumkan kelak.

- 15.2. Bagi perolehan yang tidak dilaksanakan secara *online*, Agensi bertanggungjawab memastikan maklumat perolehan tersebut direkodkan ke dalam Sistem ePerunding.
- 15.3. Sistem ePerunding juga boleh dirujuk untuk mendapatkan maklumat berkaitan peraturan perolehan perunding yang sedang berkuat kuasa, senarai firma perunding yang berdaftar dengan MOF, iklan tender perunding, senarai perunding yang dikenakan tindakan tatatertib dan sebagainya.

16. Perolehan Perunding Oleh Agensi Kerajaan Di Luar Negara

- 16.1. Bagi perolehan perkhidmatan perunding yang dilaksanakan oleh Agensi/Jabatan Kerajaan diluar negara, peraturan ini adalah tidak terpakai.

17. Pemakaian Peraturan

- 17.1. Peraturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan **PK 3.2** dan **PK 3.3**.

18. Pindaan dan Tambahan

- 18.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 182.1, AP 186, AP 187 dan AP 189 adalah dipinda seperti di [Lampiran A](#).

LAMPIRAN

Lampiran A**PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN YANG BERKAITAN DENGAN
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING****AP 182.1 Rujukan Kepada Jabatan Teknik**

- (a) Semua Jabatan Bukan Teknik hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Pengairan dan Saliran bagi melaksanakan semua projek kerja tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- (b) Kementerian/Jabatan hendaklah mengemukakan kepada Jabatan Teknik maklumat lengkap seperti berikut:
 - (i) Kedudukan status tapak projek;
 - (ii) Ringkasan projek;
 - (iii) Siling projek;
 - (iv) Peruntukan tahunan; dan
 - (v) Jadual pelaksanaan projek.
- (c) Sekiranya Jabatan Teknik tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat Agensi diterima oleh Jabatan Teknik, maka Kementerian/Jabatan boleh melantik perunding mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan surat yang dikemukakan, diterima di pejabat Jabatan Teknik dan disahkan oleh penerima.
- (d) Untuk kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan Kerajaan Persekutuan, kelulusan daripada Bahagian yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri atau Jabatan yang diberi tanggungjawab untuk mengurus hal ini hendaklah diperolehi terlebih dahulu dan Arahan Perbendaharaan 182.1(a) dan (b) hendaklah dipatuhi.
- (e) Untuk kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan yang disewa, kebenaran tuan punya bangunan hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Kementerian/Jabatan bolehlah menggunakan perkhidmatan perunding yang bertanggungjawab ke atas bangunan tersebut dan jika perunding berkenaan enggan, Kementerian/Jabatan bolehlah melantik perunding sendiri dengan mengikut peraturan semasa.

AP 186 Kebenaran Menggunakan Perkhidmatan Perunding

- (a) Kementerian/Jabatan dikehendaki merujuk projek masing-masing kepada Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Pengairan dan Saliran terlebih dahulu sebelum melantik perunding. Jika Jabatan Teknik tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat Agensi diterima oleh Jabatan Teknik, maka Kementerian/Jabatan boleh melantik perunding mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

AP 187 Pihak Berkuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Perunding

- (a) Pihak berkuasa melulus perolehan perkhidmatan perunding adalah seperti berikut:

PBM	Had Nilai Kuasa Melulus
Jawatankuasa Sebut Harga Agensi - Semua Jawatankuasa Sebut Harga Agensi boleh meluluskan perolehan perunding tidak melebihi had nilai kuasa yang ditetapkan di Jadual ini di atas tertakluk mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pegawai Pengawal.	1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM5 juta 2. Kos kajian sehingga RM500 ribu 3. Kos kerja ukur sehingga RM500 ribu
Lembaga Perolehan 'B' Agensi	1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM20 juta 2. Kos kajian sehingga RM2 juta 3. Kos kerja ukur sehingga RM2 juta
Lembaga Perolehan 'A' Agensi	1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM300 juta 2. Kos kajian sehingga RM5 juta 3. Kos kerja ukur sehingga RM5 juta
Kementerian Kewangan	1. Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM300 juta 2. Kos kajian melebihi RM5 juta 3. Kos kerja ukur melebihi RM5 juta

- (b) Kuasa meluluskan tambahan kos perkhidmatan perunding hanya diberikan kepada Lembaga Perolehan 'A' Agensi tertakluk kepada syarat-syarat berikut :
- (i) tambahan kos perkhidmatan perunding sehingga maksimum 100% yang disebabkan oleh perubahan skop asal atau perubahan kos projek/kajian. Sekiranya tambahan kos melebihi 100%, kelulusan hendaklah diperolehi daripada Kementerian Kewangan.

- (ii) tambahan kos perkhidmatan perunding tanpa had nilai yang disebabkan *Variation Order* (VO) dan *Extension Of Time* (EOT) dalam kontrak dengan pihak kontraktor.

AP 189 Pematuhan Peraturan Perolehan Kerajaan Oleh Perunding

- (a) Bagi projek atau kajian yang diuruskan oleh perunding, Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan peraturan-peraturan perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya oleh perunding.